PP lwn. MOHD ANWAR AZMI & YANG LAIN

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, KUALA LUMPUR
NORDIN HASSAN PK
[PERBICARAAN JENAYAH NO: 45SO-46-06-2015]
27 MEI 2016

UNDANG-UNDANG JENAYAH: *Kanun Keseksaan – Seksyen 120B(1) – Pakat jahat jenayah – Mempromosi perbuatan keganasan di Malaysia – Sama ada bertentangan dengan s. 130G(a) Kanun Keseksaan – Sama ada pertuduhan terhadap tertuduh-tertuduh memenuhi kehendak ss. 152, 153 dan 154 Kanun Tatacara Jenayah – Sama ada beg yang mengandungi barang buatan letupan dibawa oleh tertuduh-tertuduh – Sama ada identiti barang kes dibuktikan – Sama ada saksi seorang pakar menurut s. 45 Akta Keterangan 1950 – Kegagalan pihak pendakwaan memanggil saksi material – Sama ada s. 114(g) Akta Keterangan 1950 terpakai – Kes prima facie – Sama ada terbukti – Sama ada tertuduh-tertuduh gagal menimbulkan keraguan munasabah terhadap kes pendakwaan*

PROSEDUR JENAYAH: *Hukuman – Faktor-faktor yang dipertimbangkan mahkamah – Pakat jahat jenayah mempromosi keganasan – Sama ada perbuatan serius – Sama ada hukuman deteren harus dikenakan – Kanun Keseksaan, ss. 120B(1) & 130G(a)*

Kelima-lima tertuduh telah mengadakan beberapa perjumpaan pada tarikh-tarikh tertentu di mana mereka telah membincangkan mengenai isu-isu agama, jihad, perjuangan di Syria dan Islamic State (IS). Semasa di sebuah restoran pada 3 April 2015, berdasarkan keterangan rakan-rakan kelima-lima tertuduh, mereka, termasuk kelima-lima tertuduh berbincang tentang memusnahkan pusat-pusat hiburan, tempat maksiat dan tempat perjudian di Kuala Lumpur. Cadangan ini dipersetujui oleh semua yang menghadiri perbincangan tersebut. Seterusnya pada 10 April 2015 di restoran yang sama, terdapat perbincangan tentang cadangan membuat uji kaji bom bagi persediaan untuk meletupkan tempat-tempat maksiat, tempat pelacuran dan tempat perjudian seperti yang dipersetujui sebelum ini. Pada 25 April 2015, berdasarkan maklumat yang diterima oleh pihak polis berhubung kumpulan militan yang disyaki ke Gunung Nuang untuk membuat uji kaji bahan letupan, SP9 dan pasukannya membuat pemantauan dan pemerhatian di kaki Gunung Nuang dan membuat serbuan terhadap suspek-suspek yang disyaki dan membuat tangkapan termasuk kelima-lima tertuduh. Kelima-lima tertuduh didapati membawa beg galas yang mengandungi, antara lain, barang-barang yang boleh membuat bahan letupan. Pertuduhan yang dikemukakan terhadap kelima-lima tertuduh adalah bagi kesalahan di bawah s. 120B(1) Kanun Keseksaan. Bersandar pada keterangan saksi-saksi, pihak pendakwaan berjaya membuktikan elemen-elemen bahawa (i) tertuduh-tertuduh terlibat dalam satu pakat jahat jenayah; dan (ii) tujuan pakat jahat jenayah tersebut adalah untuk mempromosi satu perbuatan keganasan di

Malaysia iaitu yang bertentangan dengan s. 130G(a) Kanun Keseksaan. Tertuduh-tertuduh, dalam pembelaan mereka, menafikan terlibat dalam apa-apa rancangan, tindakan atau mempromosi keganasan termasuk melakukan huru-hara di Kuala Lumpur. Isu-isu yang berbangkit adalah (i) sama ada pertuduhan yang dikemukakan terhadap tertuduh-tertuduh kabur dan mengelirukan; (ii) sama ada terdapat keterangan yang menunjukkan bahawa barang kes yang dijumpai dalam beg galas dibuktikan dibawa oleh tertuduh-tertuduh; (iii) sama ada identiti barang kes dipertikaikan; (iv) sama ada saksi pakar ('SP8') seorang pakar menurut peruntukan s. 45 Akta Keterangan 1950; (v) sama ada kegagalan pihak pendakwaan memanggil saksi material membangkitkan inferen bertentangan terhadap kes pendakwaan.

Diputuskan (mensabitkan tertuduh-tertuduh):

(1) Pertuduhan yang dikemukakan terhadap tertuduh-tertuduh memenuhi kehendak undang-undang di bawah ss. 152, 153 dan 154 Kanun Tatacara Jenayah dan memberi maklumat yang mencukupi untuk tertuduh-tertuduh mengetahui perkara dalam pertuduhan terhadap tertuduh-tertuduh bagi menyediakan pembelaan mereka. Selebihnya, seperti bagaimana tertuduh-tertuduh mempromosi keganasan di Malaysia adalah merupakan keterangan yang dibawa oleh pihak pendakwaan semasa perbicaraan seperti yang dilaksanakan di dalam kes ini. Oleh yang demikian, pertuduhan yang dikemukakan terhadap tertuduh-tertuduh teratur dan tidak defektif. (perenggan 34-36)

(2) SP9 telah memberi keterangan bahawa semasa serbuan dibuat di Gunung Nuang, kelima-lima tertuduh ada membawa beg galas. Beg galas ini dirampas dari mereka dan setiap tertuduh dikawal oleh seorang anggota polis. OKT dan beg galas masing-masing dengan kawalan anggota polis kemudiannya dibawa ke Bukit Aman dengan satu eskot bagi setiap tertuduh supaya dapat memastikan beg galas adalah milik seseorang tertuduh. Pemilik atau pembawa beg galas dapat dipastikan dan tidak timbul isu pemilik sebenar beg galas berkenaan atau kekeliruan jika beg galas tertukar. (perenggan 37 & 38)

(3) Pihak pembelaan mempertikaikan identiti barang kes iaitu lampu x-mas di mana dihujahkan terdapat percanggahan keterangan pihak pendakwaan yang menyatakan hanya tiga biji lampu berkenaan telah dipotong tetapi terdapat juga keterangan saksi pendakwaan lain termasuk laporan P23 yang menyatakan terdapat 11 biji lampu x-mas dipotong. Walaupun terdapat percanggahan jumlah lampu yang dipotong, ini tidak menjejaskan keseluruhan kes pendakwaan. Fakta yang jelas bahawa terdapat satu kotak besar lampu x-mas yang dirampas dari tertuduh ketiga di kaki Gunung Nuang. Percanggahan ini tidak material dan tidak menjejaskan pembuktian kes pendakwaan. (perenggan 39 & 41)

(4) SP8 merupakan pegawai Unit Pemusnah Bom Polis Diraja Malaysia. Beliau juga mempunyai Ijazah Sarjana Muda Elektronik dan telah menghadiri beberapa kursus bom. SP8 juga telah menghadiri latihan berhubung bahan letupan dan teknik membuat bom serta pernah membuat pemeriksaan bahan-bahan letupan. Berdasarkan kelayakan dan pengalaman SP8, mahkamah berpuas hati bahawa SP8 adalah seorang pakar bahan letupan bagi maksud s. 45 Akta Keterangan 1950. (perenggan 46 & 47)

(5) Penama-penama yang tidak dipanggil oleh pihak pendakwaan untuk memberi keterangan bukanlah saksi material bagi kes pendakwaan. Keterangan mereka seperti keterangan rakan-rakan tertuduh-tertuduh yang lain serta untuk menjelaskan operasi kes ini dan keahlian anggota IS Malaysia. Tanpa keterangan mereka, kelompangan pada kes pendakwaan tidak timbul. Sehubungan itu, s. 114(g) Akta Keterangan 1950 tidak terpakai kerana kegagalan pihak pendakwaan memanggil saksi-saksi ini. Pihak pendakwaan berjaya membuktikan suatu kes *prima facie* terhadap kelima-lima tertuduh. (perenggan 52-55)

(6) Kelima-lima tertuduh telah mengadakan beberapa perbincangan untuk meletupkan tempat maksiat di sekitar Kuala Lumpur dan menjalankan uji kaji bom di Gunung Nuang. Tertuduh-tertuduh terbukti membawa amonium nitrate, baja, lampu kelip-kelip dan tiga batang paip PVC untuk uji kaji bahan letupan. Pihak pembelaan gagal menjelaskan tentang barang-barang yang dirampas di tempat kejadian yang menurut saksi pendakwaan boleh digunakan untuk uji kaji bahan letupan. Tanpa penjelasan dari pihak pembelaan, jelasnya barang-barang ini bukanlah barang-barang bagi maksud perkhemahan. Inferen bahawa barang-barang tersebut adalah untuk menguji kaji bom. Kelima-lima tertuduh dari kandang salah, kelima-lima tertuduh gagal menimbulkan sebarang keraguan munasabah terhadap kes pendakwaan. (perenggan 77-91)

(7) Tertuduh pertama, kedua, keempat dan kelima telah disabitkan terhadap pertuduhan yang dikemukakan. Kesan tindakan tertuduh-tertuduh sekiranya gagal dikesan dan dihalang oleh pihak polis pasti mengakibatkan kehilangan nyawa dan kemusnahan harta yang besar, serta menjejaskan kestabilan ekonomi rakyat dan negara. Satu isyarat yang kuat perlu diberikan bukan sahaja kepada tertuduh-tertuduh tetapi kepada masyarakat di luar sana bahawa kesalahan yang dilakukan ini amat serius dan akan berhadapan dengan hukuman yang tinggi. Satu bentuk hukuman yang deteren sahaja dapat membantu matlamat Kerajaan untuk mencegah pihak-pihak ekstremis daripada melakukan keganasan di Malaysia. Oleh itu, tertuduh pertama dan kedua dikenakan 25 tahun penjara dan tertuduh keempat dan kelima dikenakan 20 tahun penjara. Tertuduh ketiga, yang merupakan pesalah kanak-kanak, telah melakukan kesalahan seperti pertuduhan yang dikemukakan.

A Berdasarkan laporan akhlak tertuduh ketiga seorang yang sukar dikawal dan ada kalanya mengirim bahan berunsurkan agama yang radikal dan tidak selari dengan ajaran Islam sebenar. Oleh itu, dia dijatuhkan hukuman penjara 12 tahun. (perenggan 92-109)

Kes-kes yang dirujuk:

B *Director of Public Prosecution v. Walker [1974] 1 WLR 1090* ***(refd)***
Junaidi Abdullah v. PP [1993] 4 CLJ 201 SC ***(refd)***
Juraimi Husin v. PP [1998] 2 CLJ 383 CA ***(refd)***
Khoon Chye Hin v. PP [1961] 1 LNS 41 HC ***(refd)***
Lee Boon Gan (F) v. Regina [1954] 1 LNS 39 HC ***(refd)***
Mohamed Salleh v. PP [1968] 1 LNS 80 FC ***(refd)***
C *Munusamy Vengadasalam v. PP [1987] 1 CLJ 250; [1987] CLJ (Rep) 221 SC* ***(refd)***
Nguyen Quoc Viet v. PP [2016] 1 CLJ 365 CA ***(refd)***
PP v. Khoo Ban Hock & Ors [1987] 1 LNS 58 HC ***(refd)***
PP lwn. Murad Halimmuddin Hassan & Satu Lagi (Kes No: 45(SO)-35-06-2015) (Unreported) ***(refd)***
D *PP lwn. Muamar Gadafi (Kes No: W-05-4-87-02-2016) (Unreported)* ***(refd)***
PP v. Muhamad Sulaiman [1982] CLJ 540; [1982] CLJ (Rep) 292 FC ***(refd)***
PP v. Saimin & Ors [1971] 1 LNS 115 HC ***(refd)***
Saju v. State of Karala (2001) 1 SCC 378 ***(refd)***
Syed Abu Bakar Ahmad v. PP [1984] 1 CLJ 80; [1984] 1 CLJ (Rep) 368 FC ***(refd)***
Teng Kum Seng v. PP [1960] 1 LNS 139 HC ***(refd)***
E *Udayar Alagan & Ors v. PP [1961] 1 LNS 146 HC* ***(refd)***

Perundangan yang dirujuk:

Child Act 2001, s. 96(2)
Criminal Procedure Code, ss. 152, 153, 154
Evidence Act 1950, ss. 45, 114(g)
Penal Code, ss. 43, 120A, 120B(1), 130B(2), (3), 130F, 130G(a)

F *Bagi pihak responden - Wan Shaharuddin Wan Ladin; TPR*
Bagi pihak tertuduh pertama & kedua - Naizatul Zamrina Karizaman; T/n KL Chee & Co
Bagi pihak tertuduh ketiga - Ridha Abdah Subri; T/n Ridha & Rai
Bagi pihak tertuduh keempat - Adi Zulkarnain Zulkafli; T/n Nailah Ramli & Partners
G *Bagi pihak tertuduh kelima - KF Wong; T/n Hidayati & Partners*

Dilaporkan oleh Suhainah Wahiduddin

PENGHAKIMAN

H **Nordin Hassan PK:**

Pendahuluan

[1] Dalam kes ini, pihak pendakwaan pada asalnya telah mengemukakan pertuduhan bagi kesalahan di bawah s. 120B(1) Kanun Keseksaan terhadap
I enam orang tertuduh iaitu seperti berikut:

(i) Mohd Anwar bin Azmi;

(ii) Mohd Nurkamal bin Azmi;

(iii) Mohd Hafifi bin Tarmizi;

(iv) Abdullah bin Apandi;

(v) Izwan Shameer bin Suzaimi;

(vi) Muhammad Luqman Hakim bin Abdul Aziz.

[2] Pertuduhan terhadap tertuduh-tertuduh tersebut adalah seperti berikut:

> Bahawa kamu bersesama, di antara tarikh 24 April 2015 hingga 25 April 2015, diantara jam 7.00 malam sehingga jam 1.00 pagi, di No. 2, Lot 3917, Kg Bistari, Sg Michu, Bt 13, dalam daerah Hulu Langat dalam Negeri Selangor Darul Ehsan, adalah pihak suatu pakat jahat dan berikutan dengan itu, dan dengan tujuan untuk melakukan pakat jenayah tersebut telah bersetuju antara satu sama lain untuk melakukan satu perbuatan yang menyalahi undang-undang iaitu mempromosikan suatu perbuatan keganasan di Malaysia yang bertentangan dengan seksyen 130G(a) Kanun Keseksaan dan dngan itu kamu telah melakukan kesalahan di bawah seksyen 120B(1) Kanun Keseksaan.

[3] Sebelum perbicaraan kes ini dimulakan, pada 16 November 2015, tertuduh ketiga iaitu Mohd Hafifi bin Tarmizi telah mengaku salah dan telah dijatuhkan hukuman penjara lapan tahun dari tarikh tangkap.

[4] Sehubungan itu, semasa perbicaraan kes ini dijalankan tertuduh-tertuduh adalah seperti berikut:

(i) Mohd Anwar bin Azmi – tertuduh pertama

(ii) Mohd Nurkamal bin Azmi – tertuduh kedua

(iii) Abdullah bin Apandi – tertuduh ketiga

(iv) Izwan Shameer bin Suzaimi – tertuduh keempat

(v) Mohammad Luqman Hakim bin Abdul Aziz – tertuduh kelima

Kes Pendakwaan

[5] Berdasarkan keterangan rakan-rakan kelima-lima tertuduh iaitu Mohd Hafifi bin Tarmizi (SP1), Muhammad Shahrain bin Shuhaimen (SP3), Muzaffar Shah bin Umar (SP4), Faizul Ariff bin Ahmad (SP5), ahli-ahli kimia iaitu SP6 dan SP7 serta saksi-saksi polis iaitu SP8, SP9, SP10, SP11, SP12, SP13, SP14, dan SP15, kes pendakwaan adalah seperti berikut:

(i) kelima-lima tertuduh dalam kes ini bersama-sama SP1, SP3, SP4 dan SP5 telah mengadakan beberapa perjumpaan antaranya adalah pada 3 April 2015 dan 10 April 2015 di Restoran Mahie, Serdang, Selangor dan juga pada 17 April 2015 dan 24 April 2015 di rumah tertuduh kedua di Hulu Langat, Selangor.

(ii) dalam perjumpaan-perjumpaan ini antara perkara yang dibincangkan adalah mengenai isu-isu agama, jihad, perjuangan di Syria dan Islamic State (IS).

(iii) pada 3 April 2015 lebih kurang jam 9.45 malam, semasa di Restoran Mahie, Serdang, mereka termasuk kelima-lima tertuduh ada berbincang mengenai cadangan memusnahkan pusat-pusat hiburan, tempat maksiat dan tempat perjudian di Kuala Lumpur. Cadangan ini dipersetujui oleh kesemua yang hadir dalam perbincangan tersebut.

(iv) seterusnya pada 10 April 2015 di restoran yang sama, dengan kehadiran SP1, SP4 dan kelima-lima tertuduh, terdapat perbincangan mengenai cadangan untuk membuat uji kaji bom. Uji kaji bom ini adalah bagi persediaan untuk meletupkan tempat-tempat maksiat, tempat pelacuran dan tempat perjudian seperti yang telah dipersetujui sebelum ini.

(v) selanjutnya, pada 17 April 2015, di rumah tertuduh kedua, di mana SP1, tertuduh pertama, tertuduh keempat dan rakan-rakan lain iaitu Ahmad Nafiz bin Alzam, Alif dan Kalam bin Wahid turut hadir. Tertuduh pertama dan tertuduh kedua telah membuat cadangan untuk membuat uji kaji bom di Gunung Nuang.

Tertuduh pertama juga ada bertanya siapa yang hendak turut serta dengan cadangan membuat uji kaji bom tersebut di mana SP4 dan Alif menegaskan untuk tidak turut serta dengan rancangan berkenaan.

(vi) dalam perbincangan di rumah tertuduh kedua ini, tertuduh pertama juga ada bertanya siapa yang mengetahui mengenai penyambungan wayar.

(vii) selain itu di rumah tertuduh kedua tersebut, terdapat bendera "IS", kain lilit kepala (head band) dan baju revolusi Islam.

(viii) selanjutnya, pada hari yang sama, 17 April 2015 di Gerai Satay Pak Ali, ada cadangan dikemukakan untuk membuat huru-hara kerana tidak berpuas hati dengan pemerintahan di Malaysia.

(ix) seterusnya pada 24 April 2015, di rumah tertuduh kedua, dengan kehadiran SP1, SP3, SP4 dan tertuduh-tertuduh lain, tertuduh kedua ada mengeluarkan satu bendera dan menyatakan boleh untuk membuat "baiah". Tertuduh kedua juga menyatakan hasrat untuk menjalankan uji kaji bahan letupan di Gunung Nuang. Berhubung perkara ini, apabila SP3 rasa gementar dengan cadangan tertuduh kedua tersebut, tertuduh pertama memaklumkan agar SP3 tidak perlu risau kerana tertuduh pertama pernah membuat cubaan bahan letupan. Mereka kemudian bersetuju untuk ke Gunung Nuang pada keesokan harinya iaitu pada 25 April 2015.

(x) pada 25 April 2015, berdasarkan maklumat yang diterima oleh pihak polis berhubung kumpulan militan yang disyaki ke Gunung Nuang untuk membuat uji kaji bahan letupan, pegawai serbuan, SP9 dan pasukannya telah pergi membuat pemantauan dan permerhatian di kaki Gunung Nuang iaitu pada lebih kurang jam 10 pagi.

(xi) seterusnya, pada jam lebih kurang 4.10 petang, SP9 dan pasukannya telah membuat serbuan terhadap suspek-suspek yang disyaki dan telah membuat 11 tangkapan termasuk kelima-lima tertuduh.

(xii) kelima-lima tertuduh didapati membawa beg galas dan apabila diperiksa kemudiannya di Ibu Pejabat Polis Bukit Aman, barang-barang yang ditemui di dalam beg galas masing-masing adalah seperti berikut:

(a) Tertuduh Pertama

(1) 1 plastik serbuk putih yang kemudiannya disahkan oleh ahli kimia (SP8) adalah 2 kilogram Amonium Nitrate (P21).

(2) 4 biji bateri 9 volt (P26 (A-D))

(3) Alat Penimbang (P29)

(4) 4 wayar penutup bateri (P32 (A-D))

(5) Alarm motorsikal (P35)

(6) 2 remote (P38 (A-B))

(7) 2 penyukat (P41 (A-B))

(8) 1 pemotong wayar (P44)

(9) 1 Test Pen (P47)

(b) Tertuduh Kedua

1 gelung wayar berkembar (P50).

(c) Tertuduh Ketiga

1 kotak lampu kelip-kelip (P68 (1-70)).

(d) Tertuduh Keempat

3 paip PVC (P62 (a-c)).

(e) Muzaffar Shah bin Umar (SP4)

1 botol cecair yang kemudiannya disahkan oleh ahli kimia (SP7) adalah minyak diesel.

A (f) Muhammad Sharani bin Suhaimen (SP3)

(1) 1 kotak besar mancis (P53 (A-I)).

(2) 1 tape hitam (P56).

(3) 1 bungkus kapas (P59).

B (g) Kalam bin Wahid

1 kotak Aluminium foil (P65).

(xiii) kesemua barang-barang yang dirampas dari tertuduh pertama hingga tertuduh keempat dan tangkapan lain disahkan oleh pakar bahan
C letupan Polis Diraja Malaysia, iaitu SP8, adalah barang-barang yang boleh membuat bahan letupan.

(xiv) SP8 menjelaskan bahawa dari bahan-bahan yang dirampas, bahan letupan iaitu amonium nitrate fuel oil (ANFO) boleh dihasilkan. Asas bahan letupan ANFO ini dijelaskan adalah kombinasi amonium nitrate
D dengan diesel atau petrol.

(xv) SP8 juga telah menjalankan uji kaji menggunakan bahan yang dirampas dan hasil ujian yang dibuat seperti dinyatakan dalam laporan pakar SP8 (P23) menunjukkan bahawa bahan letupan boleh dihasilkan. Selain itu, dengan nisbah campuran yang tertentu serta penggunaan 'booster',
E ianya boleh menghasilkan bahan letupan kategori 'high explosive'. 'Booster' ini dijelaskan boleh dibuat dengan memasukkan kepala mancis yang hancur ke dalam batang PVC bagi meningkatkan kuasa letupan.

F (xvi) SP8 juga menjelaskan bahawa letupan ANFO ini boleh menyebabkan kemusnahan dan kematian. Contoh yang diberikan oleh SP8 di mana ANFO digunakan yang menyebabkan kemusnahan besar dan kehilangan nyawa yang ramai adalah di JW Marriot di Indonesia dan juga di Boston, Amerika Syarikat.

G **Keputusan Mahkamah Ini Di Akhir Kes Pendakwaan**

[6] Pertuduhan yang dikemukakan terhadap kelima-lima tertuduh adalah bagi kesalahan di bawah s. 120B(1) Kanun Keseksaan yang memperuntukkan:

120B. Hukuman bagi pakat jahat jenayah.

H (1) Barang siapa menjadi satu pihak dalam satu pakat jahat jenayah bagi melakukan suatu kesalahan yang boleh dihukum mati, pemenjaraan selama tempoh dua tahun atau lebih hendaklah, jika tiada apa-apa peruntukan yang nyata ditetapkan oleh Kanun ini berkenaan dengan hukuman bagi pakat jahat itu, dihukum sama seperti seolah-olah dia telah menyubahati kesalahan itu.

I

[7] Di sini, bagi membuktikan pertuduhan yang dikemukakan terhadap tertuduh-tertuduh bagi kesalahan pakat jahat jenayah dalam kes ini, pihak pendakwaan perlu membuktikan elemen-elemen berikut:

(i) tertuduh-tertuduh adalah terlibat dalam satu pakat jahat jenayah.

(ii) tujuan pakat jahat jenayah tersebut adalah untuk mempromosi suatu perbuatan keganasan di Malaysia iaitu yang bertentangan dengan s. 130G(a) Kanun Keseksaan.

[8] Berhubung isu pakat jahat jenayah ini, ianya telah ditakrifkan di bawah s. 120A Kanun Keseksaan seperti berikut:

> 120A. Takrif pakat jahat jenayah.
>
> Apabila dua orang atau lebih daripada dua orang bersetuju melakukan, atau menyebabkan supaya dilakukan:
>
> (a) suatu perbuatan yang menyalahi undang-undang; atau
>
> (b) suatu perbuatan, yang tidak menyalahi undang-undang, dengan jalan menyalahi undang-undang,
>
> maka persetujuan yang demikian itu adalah dinamakan pakat jahat jenayah:
>
> Dengan syarat bahawa tiada apa-apa jua persetujuan, kecuali suatu persetujuan bagi melakukan sesuatu kesalahan, hendaklah terjumlah kepada suatu pakat jahat jenayah melainkan sesuatu perbuatan selain daripada persetujuan itu dilakukan oleh satu atau beberapa pihak kepada persetujuan itu menurut persetujuan itu.
>
> Huraian 1 - Tidak penting sama ada perbuatan yang menyalahi undang-undang itu merupakan objek muktamad perjanjian sedemikian itu, atau cuma bersangkutan sahaja dengan objek itu.
>
> Huraian 2 - Di mana liabiliti bagi apa-apa kesalahan boleh berlaku tanpa diketahui pihak orang yang melakukan kesalahan itu apa-apa fakta atau hal keadaan tertentu yang perlu bagi perlakuan kesalahan itu, seseorang hendaklah namun tidak bersalah untuk pakat jahat melakukan kesalahan itu melainkan jika dia dan sekurang-kurangnya satu pihak lain kepada perjanjian itu berhasrat atau tahu bahawa fakta atau hal keadaan itu hendaklah atau akan wujud pada masa perlakukan yang mewujudkan kesalahan itu akan berlaku.

[9] Berdasarkan takrifan pakat jahat jenayah ini, jelas menunjukkan apa yang perlu dibuktikan oleh pihak pendakwaan adalah adanya persetujuan oleh dua orang atau lebih untuk melakukan perbuatan yang menyalahi undang-undang atau melakukan perbuatan yang tidak menyalahi undang-undang dengan cara yang menyalahi undang-undang.

[10] Di samping itu, perbuatan 'menyalahi undang-undang' pula telah ditakrifkan di bawah s. 43 Kanun Keseksaan seperti berikut:

A

> Perkataan ... 'menyalahi undang-undang adalah dipakai kepada segala sesuatu yang menjadi kesalahan atau yang dilarang oleh undang-undang atau yang menyediakan alasan untuk suatu tindakan sivil'.

[11] Seterusnya, berkaitan intipati pakat jahat jenayah ini Hakim Mortimer dalam kes *PP v. Khoo Ban Hock & Ors* [1987] 1 LNS 58; [1988] 2 MLJ 217 di ms. 221 ada menjelaskan:

B

> Section 120(A) is also drafted in plain ordinary language. It is clear on the plain and ordinary meaning of that language and on principle and on authority, although there is no authority in Brunei, that by its nature a criminal conspiracy within the section is a continuing offence from the time when two or more agree to the purpose until the time when they cease to agree. By this, I mean that all the ingredients of the offence will be present once the parties agree (the very gist of the offence) and the offence will have been committed, but it is not concluded. The offence continues to be committed as long as the parties continue to agree to carry out the plot.
>
> Further, the parties may agree in one place and continue to agree in another, although this will depend on the evidence. Therefore, in order to prove the commission of the offence, it is necessary for the prosecution to prove that at the material time and, more importantly, for these purposes at the material place, the parties were agreeing to do the illegal act.

C

D

E

[12] Berdasarkan nas undang-undang ini juga, jelasnya, kesalahan pakat jahat jenayah adalah terbukti sebaik sahaja ada persetujuan untuk melakukan perbuatan yang menyalahi undang-undang.

F

[13] Selain itu juga, adalah tidak menjadi keperluan untuk membuktikan bahawa setiap ahli dalam pakat jahat jenayah tersebut perlu mengetahui secara terperinci berhubung pakat jahat berkenaan dan adalah tidak material juga sama ada perbuatan menyalahi undang-undang tersebut adalah objektif utama kesalahan tersebut atau sebaliknya.

G

[14] Prinsip ini dijelaskan oleh Mahkamah Agung India dalam kes *Saju v. State of Karala* (2001) 1 SCC 378 di ms. 383 yang menyatakan:

H

> 7. To prove the charge of criminal conspiracy the prosecution is required to establish that two or more persons had agreed to do or caused to be done, an illegal act or an act which is not legal, by illegal means. It is immaterial whether the illegal act is the ultimate object of such crime or is merely incidental to that object. To attract the applicability of Section 120-B it has to be proved that all the accused had the intention and they had agreed to commit the crime. There is no doubt that conspiracy is hatched in private and in secrecy for which direct evidence would rarely be available. It is also not necessary that each member to a conspiracy must know all the details of the conspiracy. This Court in Y*ash Pal Mittal v. State of Punjab* held: (SCC pp. 543-44, paragraph 9).

I

(rujuk juga Huraian 1, s. 120A Kanun Keseksaan).

[15] Seterusnya, adalah bukan menjadi keperluan untuk dibuktikan bahawa setiap ahli dalam pakat jahat jenayah tersebut telah melakukan tindakan terbuka (overt act) dalam melaksanakan pakat jahat jenayah berkenaan. Ini telah dijelaskan dalam kes yang sama seperti berikut:

> 9. In *Suresh Chandra Bahri v. State of Bihar* this Court reinterated that the essential ingredient of criminal conspiracy is the agreement to commit an offence. After referring to the judgments in *Noor Mohd. Mohd. Yusuf Momin v. State of Maharashtra* and *V.C. Shukla v. State (Delhi Admin.)* it was held in *S.C. Bahri* case as under: (SCC p. 134 paragraph 96):
>
> > [A] cursory look to the provisions contained in Section 120-A reveals that a criminal conspiracy envisages an agreement between two or more persons to commit an illegal act or an act which by itself may not be illegal but the same is done or executed by illegal means. Thus the essential ingredient of the offence of criminal conspiracy is the agreement to commit an offence. In a case where the agreement is for accomplishment of an act which by itself constitutes an offence, then in that event no overt act is necessary to be proved by the prosecution because in such a fact-situation criminal conspiracy is established by proving such an agreement. In other words, where the conspiracy alleged is with regard to commission of a serious crime of the nature as contemplated in Section 120-B read with the proviso to sub-section (2) of Section 120-A IPC, then in that event mere proof of an agreement between the accused for commission of such a crime alone is enough to bring about a conviction under Section 120-B and the proof of any overt act by the accused or by any one of them would not be necessary. The provisions in such a situation do not require that each and every person who is a party to the conspiracy must do some overt act towards the fulfilment of the object of conspiracy, the essential ingredient being an agreement between the conspirators to commit the crime and if these requirements and ingredients are established the act would fall within the trapping of the provisions contained in Section 120-B since from its very nature of conspiracy must be conceived and hatched in complete secrecy, because otherwise the whole purpose may be frustrated and it is common experience and goes without saying that only in very rare cases one may come across direct evidence of a criminal conspiracy to commit any crime and in most of the cases it is only the circumstantial evidence which is available from which an inference giving rise to the conclusion of an agreement between two or more persons to commit an offence may be legitimately drawn.

[16] Selain itu, persetujuan untuk melakukan pakat jahat jenayah ini boleh dibuat secara nyata atau tersirat dan kesalahan ini boleh dibuktikan melalui inferen dari keadaan sekeliling dan tindakan tertuduh. Ini dinyatakan dalam buku *Ratanlal & Dhirajlal 'The Indian Penal Code,* 32nd edn seperti berikut:

A The essence of the offence of conspiracy is the fact of combination of agreement. The agreement maybe express or implied, or in part express or in part implied. The conspiracy arises and the offence is committed as soon as the agreement is made; and the offence continues to be committed so long as the combination persist …

B In a criminal conspiracy of minds of two or more persons for doing an illegal act is *sine qua non* but proving this by direct proof is not possible. Hence conspiracy and its objective can be inferred from the surrounding circumstances and conduct of the accused.

[17] Bagi kesalahan pakat jahat jenayah dalam kes ini, perbuatan yang C menyalahi undang-undang adalah mempromosi perbuatan keganasan di Malaysia iaitu kesalahan di bawah s. 130G(a) Kanun Keseksaan.

[18] Pada peringkat ini, adalah relevan untuk dijelaskan kesalahan di bawah s. 130G(a) ini yang memperuntukkan:

Barang siapa yang dengan pengetahuan: D

(a) menghasut atau mempromosi berlakunya perbuatan pengganas.

(b) ...

(c) ...

E Hendaklah dihukum dengan pemenjaraan bagi tempoh yang boleh sampai tiga puluh tahun, dan hendaklah juga dikenakan denda.

[19] 'Perbuatan pengganas' juga telah ditakrifkan di bawah s. 130B(2) seperti berikut:

(2) bagi maksud Bab ini, 'perbuatan pengganas' bermaksud suatu F perbuatan atau ugutan tindakan dalam atau luar Malaysia di mana -

(a) perbuatan atau ugutan jatuh di bawah subseksyen (3) dan tidak jatuh di bawah subseksyen (4);

(b) perbuatan itu dilakukan atau ugutan dibuat dengan niat untuk melanjutkan suatu perjuangan politik, agama atau ideologi; dan G

(c) perbuatan atau ugutan berniat atau yang boleh semunasabahnya dianggap sebagai berniat untuk:

(i) menakutkan orang awam atau sebahagian daripada orang awam; atau

H (ii) mempengaruhi atau memaksa Kerajaan Malaysia atau Kerajaan mana-mana Negeri di Malaysia, mana-mana Kerajaan lain, atau mana-mana organisasi antarabangsa untuk membuat atau menahan daripada melakukan apa-apa perbuatan.

[20] Seterusnya, s. 130B(3) seterusnya menggariskan perbuatan yang I termasuk di bawah kategori perbuatan pengganas antara lain seperti berikut:

(3) Suatu perbuatan atau ugutan jatuh di bawah subseksyen ini jika ia:

(a) melibatkan cedera parah pada tubuh seseorang;

(b) membahayakan nyawa seseorang;

(c) menyebabkan kematian seseorang;

(d) mewujudkan risiko yang serius pada kesihatan atau pada keselamatan awam atau sebilangan orang awam;

(e) melibatkan kerosakan serius pada harta benda;

(f) melibatkan penggunaan senjata api, bahan letupan atau alat berbahaya yang lain;

[21] Setelah dihuraikan kedudukan undang-undang yang relevan berkaitan kes ini, kembali kepada keterangan yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan, saya dapati, berdasarkan keterangan langsung dari saksi-saksi yang turut sama dalam pertemuan dan perbincangan dengan tertuduh-tertuduh iaitu SP1, SP3, SP4 dan SP5, elemen 'persetujuan' untuk melakukan kesalahan yang menyalahi undang-undang iaitu mempromosi atau menggalakkan perbuatan keganasan telah dibuktikan oleh pihak pendakwaan. Kesemua tertuduh bersetuju untuk memusnahkan tempat-tempat hiburan, tempat maksiat dan tempat perjudian di Kuala Lumpur. Mereka juga bersetuju untuk membuat uji kaji bom di Gunung Nuang.

[22] Saya juga tidak lihat sebarang alasan untuk SP1, SP3, SP4 dan SP5 yang merupakan rakan-rakan tertuduh-tertuduh untuk mereka-reka cerita dan menganiaya kelima-lima tertuduh. Tambahan pula SP1 telah disabitkan dengan kesalahan terhadap pertuduhan ini dan telah dijatuhkan hukuman penjara lapan tahun. Oleh itu tiada sebab SP1 mengada-adakan cerita untuk mengenakan tertuduh-tertuduh dalam kes ini. Di samping itu, berdasarkan 'demeanor' saksi-saksi ini dan keterangan yang diberikan, saya dapati mereka adalah saksi yang boleh dipercayai (credible).

[23] Dalam kes ini, tindakan membuat uji kaji bahan letupan sebagai persediaan untuk meletupkan tempat-tempat maksiat atau perjudian di sekitar Kuala Lumpur jelasnya merupakan tindakan mempromosi perbuatan keganasan seperti yang dijelaskan di bawah s. 130B(2) dan s. 130B(3) Kanun Keseksaan.

[24] Perkataan 'mempromosi' (promote) ini telah dijelaskan dalam *Judicial Dictionary,* K I Aiyar, 14th edn seperti berikut:

> Promote. The word 'promote' has been defined in *Black's Law Dictionary* to mean: 'to contribute to growth, enlargement; to forward to further; to encourage; to advance'. [*Birenda Singh v. State of Bihar* 91989) 2 Crimes 418, p421 (Pat)(DB)].

[25] Selain itu, dalam kes ini, tindakan untuk menjalankan uji kaji-uji kaji bahan letupan bagi persediaan meletupkan tempat-tempat maksiat atau perjudian di sekitar Kuala Lumpur pastinya menyumbang kepada perkembangan perbuatan keganasan di Malaysia.

[26] Seterusnya, penemuan bahan-bahan yang boleh membuat bahan letupan dari beg tertuduh pertama hingga tertuduh keempat merupakan keterangan sokongan bagi kesalahan perbuatan keganasan yang akan dilakukan.

[27] Selanjutnya, walaupun tiada bahan-bahan yang boleh membuat bahan letupan ditemui dari tertuduh kelima semasa ditangkap, ini tidak bermakna tertuduh kelima tidak terlibat dalam kesalahan pakat jahat jenayah ini. Apa yang penting bagi kesalahan ini adalah persetujuan untuk melakukan pakat jahat jenayah dan ini telah dapat dibuktikan terhadap kelima-lima tertuduh.

[28] Misalan-misalan (illustrations) (a) dan (b) s. 120A adalah relevan dan menjelaskan lagi berhubung isu ini iaitu seperti berikut:

MISALAN-MISALAN

(a) Jika A dan B bersetuju untuk memulakan kempen pengeboman di seluruh Malaysia, dan salah seorang daripada mereka melakukan suatu perbuatan bagi mencapai perjanjian itu seperti memperolehi baja Ammonium Nitrate atau komponen lain untuk membuat bom, mereka masing-masing adalah bersalah melakukan pakat jahat untuk menyebabkan letupan walaupun tiada sasaran pengeboman telah dikenal pasti dan tiada percubaan untuk melakukan pengeboman.

(b) A dengan sengaja dan dengan diketahuinya menyertai sekumpulan orang yang terdiri daripada B, C dan D di mana mereka berkongsi tujuan jenayah yang sama untuk melakukan kesalahan tertentu seperti menyerang objek awam, pembunuhan dan keganasan, dan sekurang-kurangnya salah seorang daripada mereka bertindak ke atas rancangan itu dengan mengawasi sasaran atau mendapatkan sesuatu senjata untuk digunakan dalam serangan itu. Kesemua empat orang adalah bersalah melakukan pakat jahat untuk menyerang objek awam dan melakukan pembunuhan dan keganasan ketika mana-mana salah seorang daripada mereka bertindak ke atas rancangan itu.

Isu-isu Yang Dibangkitkan Oleh Pihak Tertuduh-tertuduh

[29] Secara keseluruhan, isu-isu yang dibangkitkan oleh pihak tertuduh-tertuduh adalah seperti berikut:

(i) pertuduhan yang defektif

Dihujahkan oleh peguam bahawa pertuduhan yang dikemukakan terhadap tertuduh-tertuduh adalah kabur dan mengelirukan.

(ii) pemilikan beg galas oleh tertuduh-tertuduh tidak dibuktikan

Dihujahkan tiada keterangan yang menunjukkan bahawa beg galas di mana di dalamnya dirampas barang-barang yang menjadi ekshibit dalam kes ini telah dibuktikan dibawa oleh tertuduh-tertuduh.

(iii) identiti barang kes dipertikaikan

Percanggahan keterangan saksi-saksi pendakwaan berhubung jumlah lampu kelip-kelip (x-mas lights) yang telah dipotong iaitu tiga biji dan 11 biji menunjukkan identiti barang kes ini diragui.

(iv) percanggahan keterangan saksi pendakwaan

Pakar bahan letupan (SP8) menyatakan bahawa SP8 mendapat arahan untuk menjalankan pemeriksaan barang kes 24 April 2015 sedangkan tangkapan hanya dibuat pada 25 April 2015.

(v) SP8 bukan seorang pakar

Dihujahkan SP8 bukan seorang pakar menurut peruntukan s. 45 Akta Keterangan 1950.

(vi) isu s. 114(g) Akta Keterangan 1950

Kegagalan pihak pendakwaan memanggil Ahmad Nafis bin Azlam, Kalam bin Wahid, Pegawai Medan Azaman Nizam dan DSP Raby telah membangkitkan inferen bertentangan terhadap kes pendakwaan.

Keputusan Mahkamah Berhubung Isu-isu Yang Dibangkitkan Oleh Tertuduh-tertuduh

Pertuduhan Defektif

[30] Prinsip undang-undang adalah jelas bahawa tujuan sesuatu pertuduhan adalah bagi memaklumkan tertuduh secara jelas dan tepat berhubung perkara dalam pertuduhan terhadap tertuduh tersebut. Ini bagi membolehkan tertuduh untuk mengemukakan pembelaannya dengan sempurna dan adil.

[31] Thompson CJ dalam kes *Teng Kum Seng v. PP* [1960] 1 LNS 139; [1960] 1 MLJ 509 di ms. 518 menyatakan:

> The real test in all these cases is whether the accused person gets sufficient certain notice of what is charged against him.

[32] Berkaitan dengan statut pula, ss. 152, 153 dan 154 Kanun Tatacara Jenayah menggariskan apa yang perlu ada dalam sesuatu pertuduhan iaitu seperti berikut:

(i) Section 152.

(1) Every charge under this Code shall state the offence with which the accused is charged.

(2) If the law which creates the offence gives it any specific name the offence may be described in the charge by that name only.

A

(3) If the law which creates the offence does not give it any specific name so much of the definition of the offence must be stated as to give the accused notice of the matter with which be is charged.

(4) The law and section of the law against which the offence is said to have been committed shall be mentioned in the charge.

B

(5) The fact that the charge is made is equivalent to a statement that every legal condition required by law to constitute the offence charged was fulfilled in the particular case.

(6) If the accused has been previously convicted of any offence, and it is intended to prove that previous conviction for the purpose of increasing the punishment which the Court is competent to award, the fact, date and place of the previous conviction shall be stated in the charge. If the statement is omitted the Court may add it at any time before sentence is passed.

C

D

(ii) Section 153.

(1) The charge shall contain such particulars as to the time and place of the alleged offence and the person, if any, against whom of the thing, if any, in respect of which it was committed as are reasonably sufficient to give the accused notice of the matter with which he is charged.

E

(2) When the accused is charged with criminal breach of trust of dishonest misappropriation of money it shall be sufficient to specify the gross sum in respect of which the offence is alleged to have been committed and the dates between which the offence is alleged to have been committed, without specifying particular items or exact dates, and the charge so framed shall be deemed to be a charge of one offence within the meaning of section 164:

F

Provided that the time included between the first and last of such dates shall not exceed one year.

G

(3) When the accused is charged with an offence relating to publication by electronic means, the place of publication is where the publication is seen, heard or read by any person.

(iii) Section 154.

H

When the nature of the case is such that the particulars mentioned in section 152 and 153 do not give the accused sufficient notice of the matter with which he is charged, the charge shall also contain such particulars of the manner in which the alleged offence was committed as will be sufficient for that purpose.

I

[33] Kembali kepada pertuduhan yang dikemukakan terhadap tertuduh-tertuduh seperti yang dinyatakan di awal alasan penghakiman ini, saya dapati perkara-perkara berikut telah dinyatakan iaitu:

(i) Tarikh, masa dan tempat.

(ii) Tertuduh-Tertuduh adalah pihak satu pakat jahat.

(iii) Pakat jahat jenayah ini bertujuan untuk melakukan satu perbuatan yang menyalahi undang-undang.

(vi) Perbuatan yang menyalahi undang-undang tersebut adalah mempromosikan suatu perbuatan keganasan di Malaysia.

[34] Di sini saya dapati pertuduhan yang dikemukakan terhadap tertuduh-tertuduh telah memenuhi kehendak undang-undang di bawah ss. 152, 153 dan 154 Kanun Tatacara Jenayah dan memberi maklumat yang mencukupi untuk tertuduh-tertuduh mengetahui perkara dalam pertuduhan terhadap tertuduh-tertuduh bagi menyediakan pembelaan mereka.

[35] Selebihnya, seperti bagaimana tertuduh-tertuduh mempromosi keganasan di Malaysia adalah merupakan keterangan yang dibawa oleh pihak pendakwaan semasa perbicaraan seperti yang telah dilaksanakan di dalam kes ini.

[36] Oleh yang demikian, saya dapati, pertuduhan yang dikemukakan terhadap tertuduh-tertuduh adalah teratur dan tidak defektif.

Pemilikan Beg Galas

[37] Berhubung isu ini, pegawai serbuan itu SP9 telah memberi keterangan bahawa semasa serbuan dibuat di Gunung Nuang, kelima-lima tertuduh dalam kes ini ada membawa beg galas. Beg galas ini telah dirampas dari mereka dan setiap tertuduh dikawal oleh seorang anggota polis. OKT dan beg galas masing-masing dengan kawalan anggota polis tersebut kemudiannya telah dibawa ke Bukit Aman. SP9 menegaskan lagi, dengan satu eskot bagi setiap tertuduh ianya dapat memastikan beg galas adalah milik seseorang tertuduh.

[38] Berdasarkan penjelasan ini, saya dapati pemilik atau pembawa beg galas dapat dipastikan dan tidak timbul isu pemilik sebenar beg galas berkenaan atau kekeliruan jika beg galas tertukar berhubung pembawa beg tersebut.

Identiti Barang Kes (Lampu X-Mas)

[39] Seterusnya, pihak pembelaan juga mempertikaikan identiti barang kes iaitu lampu x-mas, di mana dihujahkan terdapat percanggahan keterangan pihak pendakwaan yang menyatakan hanya tiga biji lampu berkenaan telah dipotong tetapi terdapat juga keterangan saksi pendakwaan lain termasuk laporan P23 yang menyatakan terdapat 11 biji lampu x-mas ini telah dipotong.

[40] Berkaitan isu ini, jumlah lampu x-mas yang dirampas adalah satu kotak besar yang mengandungi 70 biji lampu x-mas.

[41] Walaupun terdapat percanggahan jumlah lampu yang telah dipotong, ini tidak menjejaskan keseluruhan kes pendakwaan. Fakta yang jelas adalah terdapat satu kotak besar lampu x-mas yang dirampas dari tertuduh iaitu tertuduh ketiga di kaki Gunung Nuang. Percanggahan yang berlaku adalah tidak material yang boleh menjejaskan pembuktian kes pendakwaan.

Sama Ada SP8 Adalah Seorang Pakar

[42] Berhubung isu yang dibangkitkan ini, peruntukan s. 45 Akta Keterangan 1950 adalah relevan untuk dirujuk iaitu seperti berikut:

> (1) When the court has to form an opinion upon a point of foreign law or of science or art, or as to identity or genuineness of handwriting or finger impressions the opinion upon that point to persons specially skilled in such foreign law, science or art, or in questions as to identity or genuineness of handwriting or finger impressions, are relevant facts.
>
> (2) Such persons are called experts.

[43] Skop pemakaian s. 45 ini telah dijelaskan dalam kes Mahkamah Persekutuan *Syed Abu Bakar Ahmad v. PP* [1984] 1 CLJ 80; [1984] 1 CLJ (Rep) 368 di ms. 372; [1984] 2 MLJ 19 di ms. 23 seperti berikut:

> The scope of this section can be found in the commentary in *Sarkar on Evidence* 12th edn at page 488, while recognising that opinion insofar as it may be founded on legal evidence shall be the function of the tribunal whose province alone it is to draw conclusions of law or fact:
>
> > There are however - cases in which the court is not in a position to form a correct judgment without help of persons who have acquired special skill or experience on a particular subject, e.g. when the question involved is beyond the range of common knowledge or when special study of a subject or special training or special experience therein is necessary. In such cases the help of expert is required. In these cases, the rule is relaxed and expert evidence is admitted to enable the court to come to a proper decision.

[44] Selain itu, Mahkamah Agung dalam kes *Junaidi Abdullah v. PP* [1993] 4 CLJ 201 di ms. 210; [1993] 3 MLJ 217 di ms. 229 menjelaskan lagi berhubung ujian berkaitan s. 45 ini seperti berikut:

> In our view, the test to be applied for the purpose of s. 45 of the Evidence Act 1950 is this. First, does the nature of the evidence require special skill? Second, if so, has the witness acquired the necessary skill either by academic qualification or experience so that he has adequate knowledge to express opinion on the matter under enquiry.

[45] Di sini, seorang pakar juga boleh mempunyai skil kepakarannya berdasarkan pengalaman selain melalui pembelajaran khusus seperti dijelaskan dalam kes *PP v. Muhamad Sulaiman* [1982] CLJ 540; [1982] CLJ (Rep) 292 di ms. 295; [1982] 2 MLJ 320 di ms. 323 seperti berikut:

> As to whether or not Mr Lum is an expert, it is true that this is a preliminary question to be determined, but it is a question upon which, in practice, considerable laxity prevails. This is because while the expert must be 'skilled', he need not be so by special study, he may be so by experience; and the fact that he has not acquired his knowledge professionally goes merely to weight and not admissibility.

[46] Berhubung dengan saksi pakar SP8, beliau merupakan pegawai Unit Pemusnah Bom Polis DiRaja Malaysia. SP8 telah bertugas di Unit Pemusnah Bom sejak 2 Jun 2008. Beliau juga mempunyai Ijazah Sarjana Muda Elektronik dan telah menghadiri kursus-kursus yang antaranya:

(i) 2011 - Kursus Bom Tahap 1.

(ii) 2012 - Kursus Bom Tahap 2.

(iii) 2013 - Kursus Bom Tahap 3.

SP8 juga telah menghadiri latihan berhubung bahan letupan dan teknik membuat bom serta pernah membuat pemeriksaan bahan-bahan letupan.

[47] Berdasarkan kelayakan dan pengalaman SP8 ini, saya berpuas hati bahawa SP8 adalah seorang pakar dan dalam kes ini pakar bahan letupan bagi maksud s. 45 Akta Keterangan 1950.

Seksyen 114(g) Akta Keterangan 1950

[48] Pihak pembelaan juga berhujah bahawa kegagalan pihak pendakwaan memanggil saksi-saksi yang dinyatakan di bawah ini telah membangkitkan inferen bertentangan terhadap kes pendakwaan di bawah s. 114(g). Saksi-saksi tersebut adalah:

(i) Ahmad Nafis bin Azlam

rakan tertuduh-tertuduh yang telah sama-sama ditangkap di kaki Gunung Nuang.

(ii) Kalam bin Wahid

rakan tertuduh-tertuduh yang ditangkap sama di kaki Gunung Nuang.

(iii) Pegawai Medan Azawan Nizam

pegawai yang dihujahkan boleh memberi keterangan terperinci mengenai operasi dalam kes ini dan juga keahlian tertuduh-tertuduh dalam kumpulan IS Malaysia.

(iv) DSP Raby

dihujahkan oleh pihak pembelaan iaitu peguam tertuduh kelima bahawa DSP Raby boleh memberi keterangan tentang keahlian tertuduh-tertuduh dalam 'Kumpulan Islamic State (IS) Malaysia'.

[49] Berhubung s. 114(g) ini, undang-undang mantap adalah jelas bahawa ianya terpakai apabila berlaku kegagalan memanggil saksi-saksi yang penting atau dokumen-dokumen penting untuk membuktikan kes. Ini diputuskan oleh Makamah Agung dalam kes *Munusamy Vengadasalam v. PP* [1987] 1 CLJ 250; [1987] CLJ (Rep) 221; [1987] 1 MLJ 492 seperti berikut:

> (1) It is essential to appreciate the scope of section 114(g) of the Evidence Act 1950 lest be carried to far outside its limit. Adverse inference under the illustration can only be drawn, if there is withholding or suppression of evidence and not merely on account of failure to obtain evidence. It may be drawn from withholding not just only document, but a material document by a party in his possession or for non production of just any witness but only an important and material to the case.

[50] Berkaitan isu ini, pihak pendakwaan mempunyai budi bicara untuk memanggil saksi-saksi yang diperlukan bagi membuktikan kes pendakwaan tetapi perlu memastikan tiada apa-apa kelompangan pada kes pendakwaan.

[51] Dalam kes *Khoon Chye Hin v. PP* [1961] 1 LNS 41; [1961] 27 MLJ 105 di ms. 109, Thompson CJ menyatakan:

> It is, of course, well settled that in a criminal case prosecuting counsel, provided there is no wrong, has a discretion as to whether or not to call any particular witness and in particular has a discretion not to call in support of his case a witness whom he does not believe to be a witness of truth.
>
> In the case of *Reg v. Woodhead Alderson B.* referred to:
>
> > the rule which the Judges have lately laid down, that a prosecutor is not bound to call witnesses merely because their name are on the back of the Indictment.
>
> He went on to say:
>
> > the witness, however, should be here, because the prisoner might otherwise be misled, he might, from their name being on the bill, have relied on your bringing them here and have neglected to bring them himself. You ought therefore, to have them in court but they are to be called by party who wants their evidence.
>
> Again, in the case of *Reg. v. Cassidy*, Parke B. said that he considered the correct principle was:
>
> > that counsel for the prosecution should call what witnesses he thought proper, and that, by having had certain witnesses examined before the grand jury whose name were on the back of the indictment, he only impliedly undertook to have them in court for prisoner to examine them, as his witness.

[52] Berkaitan penama-penama yang tidak dipanggil oleh pihak pendakwaan untuk memberi keterangan ini, pertamanya, keterangan Ahmad Nafis bin Azlam dan Kalam bin Wahid adalah seperti keterangan rakan-

rakan tertuduh-tertuduh yang lain yang telah memberi keterangan di mahkamah iaitu SP1, SP3, SP4 dan SP5 yang turut serta dalam beberapa perbincangan dan SP3, SP4 dan SP5 juga ditangkap bersama-sama Ahmad Nafis dan Kalam di kaki Gunung Nuang. Oleh itu tanpa keterangan Ahmad Nafis dan Kalam ini tidak menimbulkan sebarang kelompangan pada kes pendakwaan.

[53] Bagi penama Azawan Nizam dan DSP Raby pula, kedua-dua saksi ini bukan merupakan saksi yang material bagi kes pendakwaan. Keterangan mereka dikatakan untuk menjelaskan operasi kes ini dan keahlian anggota IS Malaysia. Tanpa keterangan kedua-dua mereka ini juga tidak menyebabkan kelompangan pada kes pendakwaan.

[54] Sehubungan itu, s. 114(g) adalah tidak terpakai kerana kegagalan pihak pendakwaan memanggil saksi-saksi ini.

[55] Oleh itu juga, berdasarkan penilaian maksima terhadap keterangan yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan, saya dapati pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan suatu kes *prima facie* terhadap kelima-lima tertuduh dan dengan itu, kelima-lima tertuduh dipanggil untuk membela diri.

Kes Pembelaan

[56] Setelah mahkamah memutuskan bagi memanggil kelima-lima tertuduh untuk membela diri, kelima-lima tertuduh telah memilih untuk memberi kenyataan dari kandang tertuduh iaitu keterangan tidak bersumpah.

[57] Tertuduh pertama iaitu Mohd Anwar bin Azmi dalam kenyataannya, yang ditandakan sebagai eks. D74 antara lain menyatakan seperti berikut:

(i) tertuduh pertama tidak pernah menyatakan atau memberi saranan untuk mewujudkan satu kumpulan bagi menimbulkan keadaan huru-hara.

(ii) tertuduh pertama ada memaklumkan kepada tertuduh lain bahawa tertuduh pertama pernah melihat video mengenai uji kaji bahan letupan buatan sendiri di laman sesawang perjuangan Islam dan Youtube tetapi tidak pernah membuat sebarang uji kaji bahan letupan.

(iii) tertuduh pertama juga menyatakan bahawa Hafifi (SP1) yang mencadangkan untuk melakukan huru-hara dan melantik seorang ketua atau Amir di kalangan mereka.

(iv) pada hari kejadian iaitu 25 April 2015 sebelum menuju ke Gunung Nuang dan semasa di rumah tertuduh kedua, tertuduh pertama telah membahagi-bahagikan beberapa perkakas perkhemahan kepada tertuduh-tertuduh lain untuk dibawa naik ke Gunung Nuang dalam beg masing-masing.

(v) tertuduh pertama juga menyatakan bahawa tertuduh kedua telah meminta tertuduh kelima iaitu Muhammad Luqman Hakim untuk membeli minyak diesel untuk membuat unggun api sewaktu berkhemah di Gunung Nuang tersebut.

(vi) tertuduh pertama menafikan ada membawa Ammonium Nitrate semasa ditahan oleh pihak polis di kaki Gunung Nuang berkenaan.

(vii) tertuduh pertama menafikan ada membawa atau mengarahkan sesiapa untuk membawa bahan-bahan untuk membuat uji kaji bahan letupan di Gunung Nuang dan tujuan ke Gunung Nuang adalah hanya untuk berkhemah.

(viii) tertuduh pertama juga menyatakan tidak pernah mempromosi atau memberi saranan untuk melakukan apa-apa perbuatan keganasan atau membuat perancangan untuk membuat sebarang

[58] Tertuduh kedua iaitu Mohd Nurkamal bin Azmi pula dalam kenyataan pembelaan yang dibacakan tertuduh kedua dari kandang salah dan kemudian ditandakan sebagai eks. D75 antara lain adalah seperti berikut:

(i) Tertuduh Kedua tidak pernah memberi saranan atau mewujudkan satu kumpulan untuk menimbulkan keadaan huru-hara.

(ii) Cadangan untuk melakukan huru-hara adalah dibuat oleh Hafizi (SP1) tetapi tidak dipedulikan oleh Tertuduh Kedua. SP1 juga membuat cadangan untuk melantik Ketua atau Amir di kalangan mereka.

(iii) Pada 25.4.2015, iaitu sebelum ke Gunung Nuang, Tertuduh Pertama telah membahagi-bahagikan perkakas perkhemahan kepada Tertuduh lain untuk dibawa ke Gunung Nuang.

(iv) Dalam perjalanan ke Gunung Nuang, Tertuduh kedua yang telupa untuk membawa diesel untuk membuat unggun api di Gunung Nuang telah menelefon Tertuduh Kelima untuk membeli dan membawa diesel berkenaan ke Gunung Nuang.

(v) Tertuduh kedua menafikan ada mempromosi atau menyarankan apa-apa perbuatan keganasan terhadap mana-mana pihak.

(vi) Tertuduh Kedua juga menyatakan tidak pernah membuat apa-apa perancangan untuk membuat sebarang huru-hara di Kuala Lumpur.

(vii) Tertuduh Kedua juga menyatakan tidak pernah membawa atau mengarahkan sesiapa untuk membawa bahan-bahan untuk membuat uji kaji bahan letupan di Gunung Nuang dan hanya ke Gunung Nuang untuk berkhemah.

[59] Seterusnya tertuduh ketiga iaitu Abdullah bin Apandi dalam kenyataan pembelaannya yang dikemukakan sebagai eks. D76 antara lain menyatakan:

(i) Tertuduh Ketiga tidak pernah terlibat dalam mana-mana perancangan untuk melakukan uji kaji bom di Gunung Nuang atau mana-mana perancangan untuk mengebom pusat-pusat hiburan dan maksiat di sekitar Kuala Lumpur.

(ii) Tertuduh Ketiga juga menafikan adanya sebarang perbincangan atau persetujuan untuk melakukan ujian bom dan untuk meletupkan tempat-tempat maksiat. Apa yang berlaku semasa pertemuan dengan Tertuduh-Tertuduh lain hanyalah sembang-sembang biasa dan perbualan kosong sahaja.

(iii) Pada 25.4.2015, di rumah Tertuduh Kedua iaitu sebelum ke Gunung Nuang, Tertuduh Pertama telah mengambil satu bungkusan plastik dan mengagih-agihkan kandungan dalam plastik tersebut kepada Tertuduh-Tertuduh lain untuk dibawa ke Gunung Nuang. Tertuduh Ketiga telah diberikan sekotak lampu kelip-kelip (x-mas light) oleh Tertuduh Pertama.

(iv) Tertuduh Ketiga menyatakan Tertuduh Ketiga hanyalah budak yang disuruh untuk membawa barang dan bersetuju berbuat demikian kerana barang tersebut kecil dan tidak berat.

[60] Selanjutnya, tertuduh keempat iaitu Izwan Shameer bin Suzaimi dalam kenyataan pembelaannya yang dikemukakan sebagai eks. D78 antara lain menyatakan seperti berikut:

(i) Tertuduh Keempat juga menafikan adanya sebarang perbincangan atau perancangan untuk melakukan ujian bom dan untuk meletupkan tempat-tempat maksiat apabila Tertuduh Keempat bertemu dengan Tertuduh-tertuduh lain. Mereka hanya 'lepak-lepak' biasa dan berbual kosong sahaja.

(ii) Tertuduh Keempat seterusnya menjelaskan bahawa pada 25.4.2015, ketika berada di rumah Tertuduh Kedua, Tertuduh Pertama telah mengagih-agihkan barang-barang untuk dibawa ke Gunung Nuang. Tertuduh Keempat telah diberikan 3 batang paip PVC oleh Tertuduh Pertama untuk dibawa oleh Tertuduh Keempat ke Gunung Nuang tersebut dan Tertuduh Keempat bersetuju berbuat demikian. Tertuduh Keempat tidak mengesyaki apa-apa dan hanya untuk membantu Tertuduh Pertama sahaja.

[61] Bagi tertuduh kelima iaitu Muhammad Luqman Hakim bin Abdul Aziz, kenyataan pembelaannya iaitu eks. D78 menyatakan antara lain:

(i) Tertuduh Kelima juga menjelaskan bahawa di dalam perjumpaan bersama Tertuduh-Tertuduh lain, tidak pernah disebut apa-apa rancangan untuk mengebom tempat-tempat maksiat di sekitar Kuala Lumpur atau untuk menimbulkan huru-hara.

(ii) Tujuan Tertuduh Kelima ke Gunung Nuang adalah hanya untuk berkelah dan beriadah.

(iii) Tertuduh Kelima juga menafikan tujuannya ke Gunung Nuang adalah untuk menjalankan uji kaji bahan letupan.

A (iv) Tertuduh Kelima membeli minyak diesel atas permintaan Tertuduh Kedua dan pada fikiran Tertuduh Kelima, minyak diesel tersebut adalah untuk menghidupkan unggun api di tempat perkelahan di Gunung Nuang berkenaan.

(v) Tertuduh Kelima menafikan ada terlibat dalam mempromosi atau menggalakkan sebarang perbuatan keganasan.

B

[62] Pihak tertuduh pertama dan tertuduh kedua juga telah memanggil seorang saksi iaitu Azmi bin Mohd Ishak (SD6) pengurus dan pemilik Syarikat MIBA Masura. SD6 juga adalah bapa kepada tertuduh pertama dan tertuduh kedua. Keterangan SD6 antara lain adalah seperti berikut:

C (i) Syarikat MIBA Masura antara lain ada menjual baja-baja pertanian seperti ammonium nitrate dan potassium nitrate.

(ii) Pada 25.4.2015, pihak polis ada datang ke kedai SD6 dan mengambil 2 beg baja kimia, 25 kilogram setiap beg iaitu baja ammonium nitrate dan potassium nitrate.

D (iii) Pada 5.5.2015 pihak polis juga ada mengambil decorder CCTV dan dokumen-dokumen lain di pejabat SD6.

(iv) SD6 juga menyatakan bahawa Tertuduh Pertama dan Tertuduh Kedua bekerja di syarikat MIBA Masura berkenaan.

E **Keputusan Mahkamah Di Akhir Kes Pembelaan**

Nilai Keterangan Kenyataan Dari Kandang Salah

[63] Pertamanya, kenyataan dari kandang salah adalah merupakan hak substantif tertuduh yang dibenarkan oleh undang-undang.

F **[64]** Walau bagaimanapun, prinsip undang-undang mantap adalah jelas bahawa nilai keterangan kenyataan tertuduh dari kandang salah tidak sama nilainya dengan keterangan bersumpah dari kandang saksi kerana kenyataan dari kandang salah tersebut tidak dibuat secara bersumpah dan tertuduh tidak dapat disoal balas oleh pihak pendakwaan.

G **[65]** Berhubung isu ini, dalam kes Mahkamah Rayuan *Udayar Alagan & Ors v. PP* [1961] 1 LNS 146; [1962] 28 MLJ 39 Thompsom CJ menyatakan seperti berikut:

> There was evidence which made out that charge, if it was believed. There was evidence by the appellants to the contrary, though here it must be
H observed that two of them took the dangerous course of making a statement from the dock instead of going into the witness-box and giving evidence. An accused person is, of course, entirely within his legal rights when he elects to take that course, but in a case which must in the event depend on credibility he takes it at his own peril. The rule was stated in *Shimmin*'s case in 1882 by Mr. Justice Case in a passage which, so far as
I I am aware (and I am quite prepared to be told I am wrong), has never been criticised:

> A prisoner, though defended by counsel may, if he chooses himself make his statement to the jury. He ought to be heard in his defence, and have the opportunity of making his explanation of the circumstances proved against him. True, his statement was not made on oath, and that he was not liable to be cross-examined by the prosecuting counsel, and what he said was therefore not entitled to the same weight as sworn testimony.

[66] Mahkamah Persekutuan dalam kes *Mohamed Salleh v. PP* [1968] 1 LNS 80; [1969] 1 MLJ 104 juga menjelaskan nilai keterangan kenyataan dari kandang salah di ms. 105 seperti berikut:

> With regard to the question of prejudice arising out of the trial judge's comment on the probative value of the unsworn statement of the appellant we are of the opinion that it is proper for a judge in summing up to remind the jury that a statement from the dock is not sworn evidence which can be the subject of cross-examination; that they can attach to it such weight as they think fit and that they should take it into consideration in deciding whether the prosecution have proved their case. In the present case the trial judge directed the jury as follows:
>
> > Well members of the Jury, that is the case for the prosecution. Now what is the accused's defence to this charge? You must also consider his defence. The accused, as you know, did not give evidence on oath. He made a statement from the dock and he could not be cross-examined by the prosecution, he could not be questioned by me, he could not be questioned by you. Members of the Jury, you will naturally not be inclined to give so much weight to what he said in the dock as you would if he gave evidence because when a man gives evidence one can cross-examine on it and test it and generally have a much better opportunity of assessing it. Of course, you must not reject the statement of the accused, you must consider it and give it such weight as you think it is worth having regard to the other evidence that you have.
>
> In our opinion a direction in those terms was perfectly proper and in no way prejudicial to the appellant.

[67] Seterusnya, Mahkamah Rayuan dalam kes *Juraimi Husin v. PP* [1998] 2 CLJ 383 di ms. 434; [1998] 1 MLJ 537 di ms. 588, rujukan dibuat kepada kes Privy Counsel *Director of Public Prosecution v. Walker* [1974] 1 WLR 1090 yang menyatakan seperti berikut:

> Lord Salmon, when delivering the advice of the Judicial Committee in *Director of Public Prosecutions v. Walker* [1974] 1 WLR 1090 explained the way in which a trial judge give to an unsworn statement. His Lordship said (at p. 1096):
>
> > …Much depends on the particular circumstances of each case. In the present case, for example, even on the approach that everything the respondent said in his unsworn statement was true, no jury (unless preserve) could have acquitted him on the ground

A of self defence. *There are however cases in which the accused makes an unsworn statement in which he seeks to contradict or explain away evidence which has been given against him or inferences as to his intent or state of mind, which would be justified by that evidence. In such cases (and their Lordship stress that they are speaking only of such cases) the judge should in plain and simple language make it clear to the jury that the accused was* B *not obliged to go into the witness box but that he had a completely free choice either to do so or to make an unsworn statement or say nothing. The judge could quite properly go on to say to the jury that they may perhaps be wondering why the accused had elected to make an unsworn statement; that it could not be because he had any conscientious objection to taking the oath since, if he had, he could affirm. Could it be that the accused was reluctant* C *to put his evidence to the test of cross-examination? If so, why? He had nothing to fear from unfair questions because he would be fully protected from these by his own counsel and by the court. The jury should always be told that it is exclusively for them to make up their minds whether the unsworn statement has any value, and if so, what weight should be attached to it; that is for them to decide whether the evidence for the prosecution has satisfied* D *them of the accused's guilt beyond reasonable doubt, and that in considering their verdict they should give the accused's unsworn statement only such weight as they may think it deserves*'. (emphasis added)

[68] Jelasnya, berdasarkan nas undang-undang, walaupun nilai keterangan tertuduh dari kandang salah adalah rendah, ianya perlu diberikan E pertimbangan dan boleh diterima jika kenyataan tersebut amat kukuh atau terdapat keterangan sokongan lain yang kukuh.

[69] Dalam kes *Lee Boon Gan (F) v. Regina* [1954] 1 LNS 39; [1954] 20 MLJ 103 di ms. 105, Hakim Spenser Wilkinson menjelaskan seperti berikut:

F Another ground of appeal was that the learned Magistrate appeared to have assumed that a statement from the dock was not sufficient proof for the purposes of rebutting the presumption arising under section 11 of the Common Gaming House Ordinance. Mr Lim Kheng Hooi for the appellant cited the case of *Rex v. Kwek Kim Chuan* (1910) Braddell CGH 2nd Ed at p. 169, a report which appears in *Braddell on Common Gaming* G *Houses*, 2nd edition, page 169. In the course of his judgment in that case Fisher, J. said:

> It was urged for the Crown that proof can only mean evidence, and evidence in the legal sense of sworn evidence - and that as none of the accused gave evidence on oath but simply made H statements there is no proof here at all ...
>
> It seems to me that I must consider their recorded statements (which are of course recorded for a purpose) and give such weight to them as they appear to me to carry. They appear to me (there only two) to be quite sufficient to rebut the presumption raised by I the section, and to prove that this was a private party and that the place where it was held was not a common gaming house al all; and the whole circumstances of the case strongly corroborate this view.

[70] Dalam kes yang sama, dihuraikan seterusnya seperti berikut: A

> It appears that in that case there were circumstances corroborating the accused's statement but except where there is corroboration it seems to me that there can be few cases in which a statement made by the accused from the dock, which cannot be tested by cross-examination, can by itself amount to proof of anything. Such a statement may, it is true, raise a B reasonable doubt in favour of the accused and may thus result in part of the prosecution not being proved, but in my view it would have to be a very convincing statement it could by itself, rebut a presumption of law. It is to be observed that in section 3 of the Evidence Ordinance it is provided that a fact is said to be proved when after considering the matters before the Court, although it may not be, strictly speaking, C evidence. It would appear therefore, that the Court must at least take it into consideration.

[71] Seterusnya dalam kes Mahkamah Rayuan *Nguyen Quoc Viet v. PP* [2016] 1 CLJ 365 yang menerima keterangan kenyataan tertuduh yang disokong dengan keterangan kukuh yang lain menyatakan antara lain seperti D berikut:

> An unsworn statement is not evidence as it is not given under oath. Such a statement carried little weight as the appellant could not be subjected to cross-examination by the prosecution nor could he be questioned by the trial judge. The appellant's statement was amply corroborated by the E evidence adduced by the prosecution itself. SP5 saw the appellant talking to the deceased at about 6.30 pm on the day of the incident but that was more than two hours before the incident SP5 was not even at the scene at the time the deceased was stabbed. SP5's testimony did not reveal how the suffered the injury and equally had no nexus with the culpability of the appellant. F

[72] Setelah dihuraikan dari segi undang-undang nilai keterangan kenyataan tertuduh dari kandang salah. Apa yang penting di sini adalah diakhir kes pembelaan, tertuduh-tertuduh hanya perlu menimbulkan keraguan yang munasabah terhadap kes pendakwaan bagi mendapatkan perintah perlepasan dan pembebasan. G

[73] Maksud keraguan yang munasabah ini telah dijelaskan dalam kes *PP v. Saimin & Ors* [1971] 1 LNS 115; [1971] 2 MLJ 16 di ms. 15 seperti berikut:

> The following definition of 'reasonable doubt' is often quoted: H
>
> > It is not mere possible doubt, because everything relating to human affairs and depending upon moral evidence is open to some possible or imaginary doubt. It is that state of the case which after the entire comparison and consideration of all the evidence leaves the minds of the jurors in that condition that they cannot say they feel an abiding convinction to a moral certainly of the truth of the I charge. It has been said that 'reasonable doubt' is the doubt which makes you hesitate as to the correctness of the codlusion which

A you reach. If under your oaths and upon your conscience, after you have fully investigated the evidence and compared it in all its parts, you say to yourself I doubt if he is guilty, then it is reasonable doubt. It is doubt which settles in your judgment and finds a resting place there.

B **[74]** Selain itu, keraguan yang munasabah ini hendaklah berlandaskan kepada keterangan dan bukan keraguan yang dibayangkan yang tidak bersandarkan kepada keterangan seperti dinyatakan dalam kes yang sama:

Or as sometimes said, it must be a doubt so solemn and substantial as to produce in the minds of the jurors some uncertainty as to the verdict
C to be given. A reasonable doubt must be a doubt arising from the evidence or want evidence and cannot be an imaginary doubt or conjecture unrelated to evidence.

[75] Kembali kepada kenyataan tertuduh-tertuduh dari kandang salah, asas pembelaan yang dikemukakan adalah seperti berikut:

D (i) kelima-lima tertuduh menafikan tujuan ke Gunung Nuang pada 25 April 2015 tesebut adalah untuk melakukan uji kaji bahan letupan tetapi untuk berkhemah dan beriadah.

(ii) kelima-lima tertuduh juga menafikan terlibat dalam apa-apa rancangan, tindakan atau mempromosi keganasan termasuk melakukan huru-hara di
E Kuala Lumpur. Sebaliknya tindakan untuk melakukan huru-hara ini dikatakan dicadangkan oleh SP1 tetapi tidak dipedulikan oleh tertuduh-tertuduh.

(iii) tertuduh-tertuduh juga menafikan ada berbincang dalam perjumpaan-
F perjumpaan mereka mengenai cadangan melakukan uji kaji bom atau melakukan huru-hara di sekitar Kuala Lumpur.

(iv) tertuduh pertama juga menafikan ada membawa amonium nitrate semasa ditangkap oleh pihak polis di kaki Gunung Nuang berkenaan tetapi amonium nitrate ada dirampas dari kedai bapa tertuduh pertama selepas
G tertuduh pertama ditangkap.

(v) bagi tertuduh ketiga yang ditahan di tempat kejadian dan didapati antara lain membawa sekotak lampu kelip-kelip (x-mas light) dan tertuduh keempat yang didapati membawa tiga paip PVC menjelaskan bahawa mereka hanya menolong tertuduh pertama untuk membawa barang-
H barang ke Gunung Nuang seperti yang diminta oleh tertuduh pertama.

(vi) tertuduh kelima pula menjelaskan bahawa tertuduh kelima membeli minyak diesel untuk dibawa ke Gunung Nuang atas permintaan tertuduh kedua bagi menghidupkan unggun api semasa berkhemah.

I **[76]** Di sini, dalam mempertimbangkan kenyataan pembelaan kesemua tertuduh ini, saya juga memberi perhatian terhadap keterangan saksi-saksi pendakwaan bagi memutuskan sama ada tertuduh-tertuduh telah menimbulkan sebarang keraguan yang munasabah.

[77] Berdasarkan keterangan langsung dari rakan-rakan kelima-lima tertuduh iaitu SP1, SP3, SP4 dan SP5 terdapat beberapa perbincangan untuk meletupkan tempat maksiat di sekitar Kuala Lumpur dan menjalankan uji kaji bom di Gunung Nuang. Perbincangan ini berlaku di Restoran Mahie, Serdang dan di rumah tertuduh kedua. Keterangan juga menunjukkan kesemua tertuduh hadir dalam perbincangan tersebut.

[78] SP1, SP3, SP4 dan SP5 ini adalah kenalan kesemua tertuduh dan saya dapati keterangan mereka tidak tergugat semasa disoal balas. Pihak pembelaan, saya dapati hanya meletakkan kesalahan kepada SP1 tetapi tidak kepada SP3, SP4 dan SP5. Walau bagaimanapun, keterangan SP1 juga adalah tidak tercabar.

[79] Selain itu, penafian tertuduh pertama bahawa tertuduh pertama ada membawa amonium nitrate semasa ditangkap di kaki Gunung Nuang adalah bertentangan dengan keterangan saksi-saksi polis antaranya pegawai serbuan iaitu SP9 yang mengesahkan penemuan serbuk putih dalam bungkusan plastik dalam beg tertuduh pertama. Borang bongkar bertarikh 25 April 2015 (D73) juga ada catitan menunjukkan penemuan serbuk putih ini.

[80] Serbuk putih ini juga telah diserahkan oleh SP9 kepada pegawai penyiasat SP15 pada hari yang sama dan disimpan oleh SP15 dalam kabinet yang berkunci. Pada 27 April 2015 SP15 telah menyerahkan plastik yang mengandungi serbuk putih tersebut kepada ahli kimia SP7 yang mengesahkan ianya adalah 2kg amonium nitrate.

[81] Di sini, saya tidak lihat apa-apa alasan untuk pegawai serbuan SP9 untuk mereka-reka cerita dan menganiaya tertuduh pertama dengan memberi keterangan bahawa tertuduh pertama membawa amonium nitrate semasa ditangkap di Gunung Nuang.

[82] Tambahan pula tertuduh pertama boleh dengan mudah mendapatkan amonium nitrate ini kerana tertuduh pertama bekerja di kedai bapanya, SD6 yang ada menjual amonium nitrate.

[83] Selain itu, berdasarkan keterangan SP1, tertuduh kedua ada memaklumkan SP1 bahawa campuran baja boleh membuat uji kaji bahan letupan. Tertuduh kedua juga turut ditangkap semasa hari kejadian dan juga bekerja di kedai bapanya, SD6 bersama tertuduh pertama.

[84] Sehubungan itu, dari penilaian keterangan saksi-saksi di mahkamah, saya berpuas hati 2kg amonium nitrate berkenaan adalah dirampas dari beg tertuduh pertama yang ditangkap di kaki Gunung Nuang tersebut.

[85] Selain itu, pihak pembelaan juga tidak menjelaskan berhubung barang-barang lain yang dirampas di tempat keadian yang menurut saksi pendakwaan boleh digunakan untuk uji kaji bahan letupan seperti:

A (i) tiga paip PVC (P62 (A-C)).

(ii) satu kotak lampu kelip-kelip (x-mas light) (P68 (1-70)).

(iii) penimbang digital (P29).

(iv) empat buah bateri (P26 (A-D)).

B (v) empat unit wayar (P31).

(vi) satu unit alarm motosikal (P35).

(vii) dua unit remote (P38 (A&B)).

C (viii) dua unit penyukat (P41 (A-B)).

(ix) satu pemotong wayar (P44).

(x) satu digital test pen (P47).

(xi) satu gulung wayar (P50).

D (xii) satu bungkus kapas (P59).

(xiii) satu kotak aluminium foil (P65).

[86] Tanpa penjelasan dari pihak pembelaan, jelasnya barang-barang ini bukanlah barang-barang bagi maksud perkhemahan dan inferen bahawa E barang-barang tersebut adalah untuk maksud uji kaji bom boleh dibuat.

[87] Keterangan dari SD6, iaitu bapa tertuduh pertama dan tertuduh kedua pula, hanya menunjukkan bahawa pihak polis ada merampas dua guni baja iaitu amonium nitrate dan potassium nitrate. Selain itu, pihak polis juga ada mengambil decoder CCTV dari kedainya.

F

[88] Berdasarkan keseluruhan keterangan SD6 ini, tidak dapat menolak keterangan fakta bahawa 2kg amonium nitrate ada dirampas dari beg tertuduh pertama di tempat kejadian di Gunung Nuang atau membantu kes pembelaan.

G **[89]** Tindakan tertuduh ketiga yang membawa lampu kelip-kelip yang diserahkan oleh tertuduh pertama ke Gunung Nuang yang dikatakan hanya untuk berkhemah, tanpa bertanya tujuan lampu-lampu tersebut dibawa juga membolehkan inferen dibuat bahawa tertuduh ketiga mengetahui ianya adalah untuk uji kaji bahan letupan seperti yang telah dipersetujui mereka.

H **[90]** Begitu juga dengan tertuduh keempat yang membawa tiga batang paip PVC, tanpa sebarang pertanyaan kepada tertuduh pertama menunjukkan tertuduh keempat mengetahui tujuan paip PVC tersebut adalah untuk uji kaji bahan letupan seperti yang mereka persetujui.

I **[91]** Sehubungan itu, berdasarkan kenyataan tidak bersumpah kelima-lima tertuduh dari kandang salah dan keterangan SD6 saya dapati kelima-lima tertuduh gagal menimbulkan sebarang keraguan yang munasabah terhadap kes pendakwaan.

Kesimpulan

[92] Oleh yang demikian, saya mensabitkan tertuduh pertama, tertuduh kedua, tertuduh keempat dan tertuduh kelima terhadap pertuduhan yang dikemukakan yang boleh dihukum di bawah s. 120B(1) Kanun Keseksaan.

[93] Berhubung tertuduh ketiga yang merupakan pesalah kanak-kanak, saya juga mendapat tertuduh ketiga telah melakukan kesalahan seperti pertuduhan yang dikemukakan.

Hukuman

[94] Hukuman maksima bagi kesalahan terhadap tertuduh-tertuduh yang terlibat dalam pakat jahat jenayah untuk melakukan perbuatan mempromosi keganasan di Malaysia adalah 30 tahun penjara.

[95] Saya mengambil maklum bahawa perbuatan mempromosi keganasan oleh tertuduh-tertuduh ini iaitu antaranya untuk meletupkan tempat-tempat maksiat dan perjudian di sekitar Kuala Lumpur adalah perbuatan keganasan yang amat serius.

[96] Kesan tindakan tertuduh-tertuduh sekiranya gagal dikesan dan dihalang oleh pihak polis, pasti mengakibatkan kehilangan nyawa dan kemusnahan harta yang besar. Ini juga akan menimbulkan keadaan huru-hara dan boleh menjejaskan kestabilan ekonomi rakyat dan negara.

[97] Kepentingan awam perlu dilindungi dan diberi pertimbangan utama dalam menjatuhkan hukuman terhadap tertuduh-tertuduh.

[98] Tertuduh-tertuduh dalam kes ini bukan sahaja telah berpakat jahat jenayah, tetapi juga telah mengambil tindakan yang aktif dengan membawa bahan-bahan untuk membuat uji kaji bom ke Gunung Nuang. Ini adalah bagi persediaan mereka untuk melaksanakan rancangan bagi meletupkan tempat-tempat di sekitar Kuala Lumpur berkenaan.

[99] Bagi saya, tindakan tertuduh-tertuduh ini amat serius dan perlu dibendung agar ianya tidak berlaku di Malaysia yang merupakan sebuah negara yang aman dan stabil.

[100] Sehubungan itu juga, mahkamah mempunyai tanggungjawab dalam bidang kuasa yang ada, untuk membantu memastikan kesalahan yang dilakukan oleh tertuduh-tertuduh ini tidak berulang atau dilakukan oleh orang lain. Satu isyarat yang kuat perlu diberikan bukan sahaja kepada tertuduh-tertuduh tetapi kepada masyarakat di luar sana bahawa kesalahan yang dilakukan ini adalah amat serius dan akan berhadapan dengan hukuman yang tinggi. Oleh itu juga, satu bentuk hukuman yang deteren sahaja dapat mencapai objektif ini.

[101] Saya juga mengambil maklum trend hukuman bagi kes-kes yang melibatkan perbuatan keganasan di Malaysia iaitu seperti berikut:

A (i) *PP v. Muamar Gadafi*

(Kes No. W-05-4-87-02-2016)

Dalam kes ini tertuduh telah mengaku salah bagi kesalahan di bawah s. 130F Kanun Keseksaan.

B Mahkamah Tinggi telah menjatuhkan hukuman lima tahun penjara tetapi hukuman ini telah ditingkatkan kepada 15 tahun penjara oleh Mahkamah Rayuan.

(ii) *PP v. Murad Halimmuddin Hassan dan Abu Daud Mudad Halimuddin.*

C (Kes No. 45(SO)-35-06-2015)

Dalam kes ini kedua-dua tertuduh telah mengaku salah bagi kesalahan di bawah s. 120B(1) Kanun Keseksaan dan Hakim Mahkamah Tinggi telah menjatuhkan hukuman 18 tahun penjara bagi tertuduh pertama dan 12 tahun penjara bagi tertuduh kedua.

D **[102]** Kedua-dua kes yang disebutkan ini adalah kes di mana tertuduh-tertuduh telah mengaku salah dan tidak melibatkan tindakan untuk membuat bom dan untuk meletupkan tempat-tempat awam. Dalam kes terhadap tertuduh-tertuduh, ianya melibatkan perbicaraan penuh dan suatu kesalahan yang amat serius.

E **[103]** Saya juga berpendapat, dengan satu bentuk hukuman yang deteren akan membantu matlamat Kerajaan untuk mencegah pihak-pihak ekstremis dari melakukan keganasan di Malaysia yang telah mula dirancang oleh pihak-pihak seperti dalam kes ini. Ini adalah untuk kepentingan masyarakat dan juga negara Malaysia.

F **[104]** Walau apa pun, saya juga mempertimbangkan kepentingan tertuduh-tertuduh dalam kes ini berdasarkan hujahan mitigasi yang dibuat oleh peguam-peguam bagi setiap tertuduh.

G **[105]** Setelah mempertimbangkan kesemua faktor-faktor dan prinsip undang-undang yang relevan dalam menjatuhkan hukuman, saya menjatuhkan hukuman seperti berikut:

(i) tertuduh pertama dikenakan 25 tahun penjara dari tarikh tangkap.

(ii) tertuduh kedua dikenakan 25 tahun penjara dari tarikh tangkap.

H (iii) tertuduh keempat dikenakan 20 tahun penjara dari tarikh tangkap.

(iv) tertuduh kelima dikenakan 20 tahun penjara dari tarikh tangkap.

[106] Seterusnya bagi tertuduh ketiga yang berumur 17 tahun iaitu di bawah kategori kanak-kanak semasa kejadian, saya telah meneliti laporan I akhlak 'D84' yang dikemukakan oleh Pegawai Kebajikan Masyarakat. Berdasarkan laporan akhlak D84 ini, saya dapati tertuduh ketiga adalah

seorang yang sangat degil dan sukar dikawal dan ada kalanya mengirim bahan berunsurkan agama yang radikal dan tidak selari dengan ajaran Islam yang sebenar.

[107] Saya juga telah mempertimbangkan mitigasi yang dibuat oleh peguam tertuduh ketiga dan laporan akhlak D84 serta hujahan pemberatan hukuman oleh Timbalan Pendakwa Raya.

[108] Saya juga mengambil maklum peruntukan s. 96(2) Akta Kanak-Kanak 2001 dan memutuskan bahawa memandangkan kesalahan yang dilakukan oleh tertuduh ketiga adalah amat serius, tiada hukuman lain yang lebih sesuai kecuali hukuman penjara.

[109] Oleh itu, tertuduh ketiga dijatuhkan hukuman penjara 12 tahun dari tarikh tangkap.